

'BOLEHKAH KITA MENJADI SEMAJU BARAT?'

TANYAKAN soalan itu pada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, dia akan kembali bertanya, "Mengapa tidak?" Dalam pertemuan dengan wartawan-wartawan Malaysia di Paris, beliau menyatakan keyakinannya bahawa Malaysia boleh menjadi semaju Peranchis atau negara-negara Barat yang lain, dan yang lebih penting, tanpa perlu menjadi Barat.

Ketika itu beliau dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Peranchis. "Teknologi mereka jauh lebih maju," beliau mengakui. Tetapi beliau segera menambah, "tidak ada sebab kita tidak boleh mencapai tahap teknologi yang sama."

Peranchis ialah negara industri yang keempat terbesar di dunia. Kekuatan terpenting negara itu ialah dalam bidang teknologi tinggi.

Dr. Mahathir mengakui hal ini. Tetapi pada waktu yang sama dia memperingatkan bahawa Malaysia tidak akan mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang berterusan kalau rakyatnya tidak bekerja kuat. Malaysia telah melangkah jauh daripada landas asal kekuatannya dalam bidang pertanian dan eksport bahan mentah. Malaysia kini merupakan negara dagangan yang ke-19 terbesar di dunia.

Dr. Mahathir juga menganggap rakyat Malaysia sudah lebih bersedia untuk menghadapi cabaran mendatang. Orang Melayu misalnya yang satu ketika dahulu dianggap hanya layak menjual rojak petis dan minyak gamat sahaja. Sekarang sebahagian daripada mereka telah menjadi usahawan dan peniaga yang berjaya. "Siapa pernah memimpikan bahawa satu hari nanti, syarikat yang dipimpin oleh orang Melayu akan termasuk di dalam salah sebuah 500 syarikat raksasa dunia yang disenaraikan oleh majalah *Fortune*?"

Beliau berkata kita memang patut mengagumi pencapaian teknologi negara-negara macam Peranchis. Tetapi teknologi itu bukan mustahil untuk dipelajari.

Peranchis pernah menjadi penjajah, seperti juga negara-negara Britain, Belanda, Sepanyol dan Portugal. Mereka sanggup mengambil risiko untuk mencari laluan baru dan meneroka jajahan baru. Selama berabad-abad mereka menguasai sebahagian besar dunia yang diketahui manusia ketika itu. Negara-negara mereka menjadi makmur kerana kekayaan yang dikaut itu. Mereka mengeksploit kekayaan tanah jajahan untuk kelompok elit di negara mereka sendiri.

Pada waktu yang sama, bahan mentah dan hasil titik peluh rakyat tanah jajahan menjadi modal untuk pertumbuhan industri mereka. Mereka menjadi maju dan moden dengan cara ini.

Kita tidak perlu menjadi penakluk atau lanun untuk memastikan kekayaan bagi negara ini. Kita boleh memanfaatkan teknologi yang sedia ada. Lagi pula kita tidak perlu mencipta roda. Roda telah dicipta. Kita boleh mengguna, memperkemas, memperbaiki malah meniru teknologi yang ada. Kita juga boleh memindahkan teknologi daripada negara-negara maju. Pemindahan teknologi inilah yang sebenarnya amat dekat dengan Dr. Mahathir apabila bercakap tentang masa depan Malaysia sebagai sebuah negara industri.

Beliau yakin keupayaan negara ini mencapai

kejayaan sehebat negara-negara maju yang lain. "Kita mesti bekerja kuat," katanya.


Dalam soal ini, setiap pihak harus menyumbang. Segala bentuk perubahan tidak akan bererti sekiranya hanya satu-satu kelompok atau sektor masyarakat sahaja yang bersedia membuat perubahan. Dr. Mahathir yakin, kebanyakan rakyat Malaysia faham perlunya kita bekerja keras

untuk menjadi negara industri yang disegani. Beliau juga yakin bahawa usahawan dan peniaga kita "yang semakin dinamis" itu akan lebih terbuka dan berani. "Tidak ada kejayaan tanpa risiko," kata beliau.

Perubahan tidak datang secara fizikal tetapi juga mental. Perubahan mental ini harus disediakan prasarannya yang betul. Kalau tidak segala rancangan dan wawasan akan tinggal mimpi yang tidak menguntungkan sesiapa.

Sekali lagi Dr. Mahathir mencabar rakyat Malaysia, "Tepuk dada, tanyalah selera."

PANLI



Buku Evans ...